

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN

BIL 5 TAHUN 2018

PELAKSANAAN DASAR PEMBAYARAN GANTI RUGI / EX- GRATIA BAGI HALANGAN-HALANGAN (ENCUMBRANCES) DI ATAS TANAH KERAJAAN DAN PENCEROBOHAN TANAH MILIK BAGI PEMBANGUNAN SESUATU PROJEK YANG MELIBATKAN PROSES PENGAMBILAN TANAH

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan kali ke 16/2018 yang bersidang pada 29 Ogos 2018, telah menimbang dan membuat keputusan bersetuju meluluskan perlaksanaan Dasar Pembayaran Ganti Rugi/ Ex-Gratia bagi Halangan-halangan (Encumbrances) diatas tanah kerajaan dan pencerobohan Tanah Milik bagi pembangunan sesuatu projek yang melibatkan proses pengambilan tanah.

2. Selaras dengan keputusan tersebut, pelaksanaan dasar tersebut adalah sebagaimana berikut:

- i) Pihak pemohon/pemaju hendaklah menyediakan 25% peruntukan tambahan daripada anggaran kos pengambilan bagi maksud menangani halangan-halangan atas tanah kerajaan atau pencerobohan tanah milik.
- ii) Pihak pemohon/pemaju hendaklah membayar kepada Kerajaan Negeri tidak kurang 75% bagi nilai tanah kerajaan yang digunakan dalam sesuatu projek.
- iii) Jumlah bayaran adalah melalui kaedah pentadbiran/rundingan yang akan diputuskan oleh Pentadbir Tanah atau Pihak Berkuasa Negeri tertakluk kepada setiap kes.

3. Pekeliling ini berkuatkuasa serta-merta dan semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan hendaklah mengambil maklum dan tindakan sewajarnya bagi melaksanakan keputusan pihak Berkuasa Negeri.



.....
(DATO' HAJI ZAMRI BIN HAJI ISMAIL, D.P.S.K (KELANTAN), K.M.N

**PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN.**

KEPADA :

Yang Amat Berusaha,
Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan

SALINAN KEPADA :

YAB. Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Kelantan
YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan
YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
YB. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
YABrs. Pengarah Audit Negeri Kelantan
YBrs. Ketua Penolong Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3, KOTA DARULNAIM,
15576 KOTA BHARU,
KELANTAN.**

FAIL : PTG.KN.17/8/12

BERTARIKH: 11 Rabiulawal, 1440H
19 November, 2018.